

REPUT TERAS BAKTERIA DAN BUAH HANTU

Bakteria *Dickeya chrysanthemi*, *D. zeae*

Serangan *D. chrysanthemi* dan *D. zeae* pada pangkal pokok nanas menyebabkan penyakit Reput Teras Bakteria manakala serangan pada buah menyebabkan penyakit Buah Hantu.

Reput Teras Bakteria (Bacterial Heart Rot)

Tompokan lesi berwarna coklat gelap pada pangkal daun.



Lesi basah pada pangkal daun dan tengah pucuk.



Reput lembik bermula pada bahagian tengah teras pokok.



Tangkai berubah warna dan mula mereput menyebabkan buah condong.



Reput lembut di teras pokok, daun mudah tercabut dan berbau busuk.

Buah Hantu (Fruit Collapse)



Permukaan kulit menggelembung dan berubah warna kepada hijau kotor.



Keratan rentas buah menunjukkan gentian rangka dipisahkan oleh rongga.

TINDAKAN KAWALAN

Cabut dan musnahkan pokok yang telah diserang.

LANGKAH PENCEGAHAN

Gunakan bahan tanaman bebas perosak.

Rawat sulur dengan larutan racun benomyl sebelum penanaman.

Uruskan sisa tanaman dengan sempurna.